




Sidang Redaksi

Penasihat: Sanusi Samid
Ketua Editor: Alimah Salam
Editor: Abd. Razak Hussin
Jurufoto: Nedunchelian
Rekabentuk: Victor Chin

ISSN: 0128-3510



Berita Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Jil. 1, No: 1, Mac, 1990



BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penerbitan Majalah dan Sidang Redaksi Berita Pustaka yang telah berjaya menghasilkan majalah ini.

Usaha menerbitkan Majalah ini sangatlah dialu-alukan. Penerbitannya akan dapat memberikan gambaran jelas kepada pembaca-pembaca sekalian untuk mengetahui dari dekat kemajuan serta perkembangan dan aktiviti Pustaka yang telah dan akan dijalankan.

Adalah menjadi harapan saya agar majalah ini dapat juga memuatkan perkembangan-perkembangan pembangunan di Kuala Lumpur untuk pengetahuan pembaca nanti. Di samping itu para pembaca di harap dapat memberi apa jua bentuk sumbangan dan cadangan supaya perkhidmatan Pustaka kepada wargakota akan beroleh kejayaan yang lebih cemerlang lagi di tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, terima kasih dan Selamat Maju Jaya.

Dato' Elyas Bin Omar

Datuk Bandar Kuala Lumpur,
Merangkap Presiden, Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Pembuka Kata

"Maha Suci
Engkau, Kami tidak
mempunyai pengetahuan
kecuali apa yang Engkau
ajarkan kepada kami,
kerana sesungguhnya hanya
Engkau Yang Maha
Mengetahui dan Maha
Bijaksana".

Maksud Al-Quran/Al Baqarah 32

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk merakamkan sepatah dua kata sebagai aluan di dalam majalah Berita Pustaka.

Peluang yang diberikan kepada saya untuk memenuhi ruangan ini amatlah besar pengertiannya. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan harapan saya agar pengguna serta kakitangan Pustaka ini sentiasa memberikan kerjasama yang erat dan padu untuk kesejahteraan, kebaikan dan kejayaan Pustaka pada masa-masa akan datang.

Adalah wajar bagi kita merenung yang lepas dan merancang masa hadapan dengan teliti supaya Pustaka ini akan mencapai puncak-puncak kegemilangan serta menuju ke arah kesempurnaan dalam perkhidmatan yang akan diberikan.

Insyallah.

Sekian, terima kasih dan Selamat Maju Jaya.

Dato' Haji Matshah Safuan

Pengerusi, Lembaga Pengurusan,
Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur.

ASSALAMUALAIKUM...

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dipanjangkan umur hingga kita dapat bertemu kali ini. Pun begitu ucapan jutaan terima kasih kepada pihak yang telah berusaha untuk menjayakan keluaran majalah Berita Pustaka yang sulung ini. Saya juga amat berbangga kerana setiap pihak telah bekerjasama untuk menyediakan majalah ini supaya ianya tidak hanya menjadi impian di siang hari.

Kemunculan majalah ini merupakan satu detik yang penting dalam perkembangan aktiviti dan pengurusan Pustaka ini kerana dengan adanya majalah seumpama ini, adalah diharapkan agar satu sistem penerangan dan perhubungan di antara pengguna dengan Pustaka akan terjalin. Majalah ini selain daripada merekodkan kegiatan-kegiatan Pustaka, juga turut mengandungi maklumat-maklumat kepada pengguna tentang apa yang berlaku pada sepanjang tahun dan pada masa-masa yang akan datang. Sidang Redaksi akan cuba memastikan segala berita aktiviti, peristiwa dan pencapaian Pustaka akan dimuatkan di dalam Majalah ini.

Adalah diharapkan Berita Pustaka akan terus berkembang. Kehadirannya akan dapat menyingkap semula detik-detik pahit dan manis serta dapat mengingatkan peristiwa gembira atas kejayaan yang membanggakan dan kemajuan-kemajuan lain yang ketara. Pustaka semakin membesar dan janganlah dalam proses kebangkitan ini ianya dicacati dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan, Insya'allah.

Selamat Maju Jaya.



**Sebaik-baik manusia, ialah orang yang panjang umurnya
dan baik amalannya, sejelek-jelek manusia ialah orang yang
panjang umurnya tetapi jelek amalannya.**

Ulasan Buku


Puan Thuraiya Mohd Zaiyad
Bahagian Perolehan

Buku : **Dasar Luar Era Mahathir**
Pengarang : **Chamil Wariya**
Penerbit : **Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.,
Petaling Jaya**
Tebal : **133 Muka Surat**
Harga : **\$14.95**

Buku ini ditulis dalam bahasa yang mudah dan amat berguna kepada mereka yang tidak memahami pergolakan antarabangsa. Peranan dasar luar pada keseluruhannya juga diperkatakan se-pintas lalu dalam bab awal. Buku ini juga telah menghuraikan dasar luar negara sebelum Datuk Sri Dr. Mahathir mengambilalih pimpinan negara. Juga disentuh ialah dasar 'Buy British Last' yang telah menyebabkan hubungan Kuala Lumpur - London tegang pada satu ketika, Dasar Pandang ke Timur.

Walaupun permulaannya memberi maklumat-maklumat asas dan tidak dinyatakan secara mendalam mengenai politik dalam negeri yang telah mempengaruhi dasar luar era Datuk Sri Dr. Mahathir, namun buku ini bermanfaat untuk para pelajar bidang perhubungan antarabangsa di pusat-pusat pengajian tinggi.

Malah seluruh pembaca patut digalakkan untuk memilik dan membaca buku ini kerana ia boleh membantu usaha memahami mengapa Datuk Sri Dr. Mahathir memastikan peranan yang lebih aktif dalam forum antarabangsa.



Buku ini menonjolkan peranan Datuk Sri Dr. Mahathir dalam perhubungan dan politik antarabangsa yang telah meletakkan Malaysia sebagai salah satu aktor utama dalam pergolakan dunia sekarang. Secara tepatnya buku ini memperkatakan peranan baru Malaysia dalam arena antarabangsa di bawah pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai melalui peranan baru itu. Ini termasuklah pemilihan Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, kepercayaan yang diberi oleh negara-negara dunia ketiga untuk kumpulan 77 serta amanah yang diberikan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri untuk menjadi Presiden Pertama Persidangan Antarabangsa mengenai Dadah Haram anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu.

Arkib Pustaka

Bangunan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

Bangunan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur berusia 80 tahun ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Bertempat di No. 92, Jalan Raja, ianya dikelilingi oleh bangunan-bangunan yang lebih tua dan seusia dengannya seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Bangunan Kelab Di Raja Selangor dan Bangunan Infokraf. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membelanjakan lebih 3 juta ringgit di dalam pembelian nya dari Perbadanan Pembangunan Luar Bandar (UDA) pada tahun 1986 dan bagi kerja-kerja pengubahsuaian dan melengkapi bangunan ini dengan peralatan perpustakaan yang bermutu.

Dibina pada tahun 1909, bangunan ini pada asalnya telah digunakan sebagai Pejabat Cetak yang pertama di Negeri Selangor, kemudiannya bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Jabatan ini pada masa itu bertanggungjawab di dalam mencetak warta-warta Kerajaan, borang-borang, buku rasmi kerajaan dan juga tiket keretapi. Dalam tahun 1961 hingga 1977, bangunan ini menempatkan pula Kementerian Buruh. Seterusnya pada 16 Julai 1977, bangunan ini telah diambilalih oleh Pejabat Pengawal Pos Wilayah Persekutuan.


Bangunan ini mempunyai rekabentuk yang berlainan dari bangunan-bangunan yang sezaman dengannya yang kebanyakan berbentuk 'Moorish'. Ianya lebih berbentuk 'renaissance' yang mana rekabentuk ini menjadikan bangunan ini sebuah bangunan yang menarik walaupun ianya merupakan sebuah bangunan yang kecil jika dibandingkan dengan bangunan lain yang seusia dengannya.

Bangunan dua tingkat ini mempunyai tingkap di kedua-dua anjung di sebelah utara, di bahagian hadapan bangunan yang menghadap jalan dan dibina untuk tingkat atas serta mempunyai 'pediment' yang cantik. Rekabentuk 'pediment' ini juga didapati di bahagian timur dan barat bangunan yang tidak bertingkat.

Tingkat-tingkap kaca yang terdapat di seluruh bangunan memberikan cahaya

semulajadi menerangi bahagian dalam bangunan. Di tingkat bawah rekabentuk tingkap adalah separuh bulat, berbeza dari tingkap-tingkap yang terdapat di tingkat atas.

Tambahan 'awning' genting yang dibuat pada tingkap-tingkap atas kira-kira 50 tahun yang lalu merupakan tambahan yang unik dari rekabentuk asal, dan ini dikekalkan untuk melindungi cuaca panas masuk ke dalam bangunan. Pintu masuk utama terletak di sebelah barat bangunan. Di dalam bangunan terdapat tiang-tiang besi berbentuk bulat, gelegar-gelegar dan sangga yang menyokong bangunan. Rekabentuk ini memberikan peman-dangan ruang yang terbuka luas yang sesuai untuk tujuan bekerja pada ketika itu (Pejabat Percetakan Kerajaan), dan sekarang suasana itu sesuai pula dijadikan sebuah perpustakaan sebagai tempat menimba ilmu.



Pejabat Percetakan 1909



Tersergam indah bangunan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.

Latarbelakang

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur mula diusahakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada bulan April 1987 di bangunan No. 92, Jalan Raja Kuala Lumpur. Bangunan tersebut telah dibeli dari Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) untuk dijadikan sebagai sebuah Perpustakaan Awam dan Pusat Penyelidikan Kuala Lumpur. Ia juga akan mempamerkan bagi pengetahuan umum barang benda atau artifek yang ada kaitan dengan warisan Kuala Lumpur. Dengan adanya kemudahan ini orangramai

terutamanya para perancang, penyelidik, pelajar serta pelancong-pelancong tidak akan menghadapi masalah mendapatkan apa-apa maklumat yang dikehendaki mengenai Kuala Lumpur.

Untuk mencapai matlamat di atas, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur ini dibahagikan kepada tiga fungsi iaitu:-

1. Perpustakaan Awam
2. Pusat Penyelidikan Kuala Lumpur
3. Pameran Kuala Lumpur.

Perpustakaan Awam

Sebagai perpustakaan awam untuk penduduk-penduduk bandaraya, ianya akan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan seperti berikut:-

1. Menyediakan perkhidmatan pinjaman dan rujukan untuk ahli-ahli
2. Mengadakan aktiviti-aktiviti sampingan untuk ahli-ahli
3. Memupuk tabiat suka membaca di kalangan masyarakat bandaraya.

Pusat Penyelidikan Kuala Lumpur

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur akan berfungsi sebagai sebuah pusat pengumpulan maklumat mengenai Kuala Lumpur. Ianya akan memberikan perkhidmatan rujukan dan penyelidikan mengenai Kuala Lumpur, di samping menyimpan katalog induk bagi bahan-bahan dan maklumat-maklumat mengenai dan berkaitan dengan Kuala Lumpur yang terdapat di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dan juga di perpustakaan-perpustakaan lain. Pustaka Peringatan akan menambahkan perkhidmatannya dengan mengadakan berbagai aktiviti sejarah seperti siri pengkisahan dan menerbitkan bahan-bahan mengenai Kuala Lumpur.

Pameran Kuala Lumpur


Satu pameran tetap mengenai Kuala Lumpur ada disediakan. Pameran yang memberi gambaran dan maklumat berbagai seperti mengenai Kuala Lumpur dari mula ianya dibuka, pembangunan dan pentadbiran dan perancangan masa depan. Melalui pameran ini orangramai akan dapat menyaksikan pertumbuhan Kuala Lumpur peringkat demi peringkat. Bahagian ini juga akan mengadakan pameran khas dari masa ke semasa mengenai perkara-perkara semasa yang boleh menarik minat orangramai.



Bahagian Dewasa.



Koleksi Kuala Lumpur.



Bahagian Kanak-kanak.

Pengumuman Berita Ringkas

29 Mac 1990...

Genaplah satu tahun usia Pustaka Peringatan Kuala Lumpur. Sebagai sebuah gedung ilmu dan pusat rekreasi, PPKL sentiasa menyediakan beberapa perkhidmatan dan aktiviti untuk mengisi masa lapang dengan cara yang berfaedah untuk wargakota.

Sempena ulangtahun yang pertama ini, PPKL akan mengadakan beberapa aktiviti selepas cuti Hari Raya nanti. Bagi semua ahli di harap jangan lupa untuk mengikuti perkembangan terbaru PPKL dan mengambil bahagian dalam beberapa pertandingan yang bakal diadakan.

14 Mei 1990...

Dari sebuah perkampungan kecil, kini genaplah 100 tahun Kuala Lumpur menjadi Penguasa Tempatan. Dalam menyambut suasana yang gilang gemilang itu, PPKL turut tidak ketinggalan dalam mengambil bahagian di dalam perayaan yang penuh bersejarah itu. Bagi semua peminat sejarah tempatan, satu Siri Pengkisahan Sejarah Kuala Lumpur dengan Kerjasama Arkib Negara akan diadakan. Pertandingan Kuiz Kuala Lumpur dan Pameran Kuala Lumpur dahulu dan sekarang pertandingan catur dan lain-lain turut juga diadakan. Ikutilah berita terbaru dalam keluaran yang akan datang.


Ceramah Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Apa yang anda perlu tahu sebagai pelabur ASB? Untuk makluman anda, pihak PPKL sedang merancang untuk mengadakan satu ciri ceramah mengenai ASB yang akan disampaikan oleh Pegawai Pemasarannya pada 17 Mac 1990 jam 11.00 pagi bertempat di tingkat satu bangunan PPKL. Anda semua dijemput untuk mendengar ceramah tersebut dan bolehlah mengemukakan sebarang pertanyaan sekiranya terdapat kemusykilan mengenai pemahaman dalam ASB.

Pameran Kuala Lumpur Dalam Sketsa

Pameran ini adalah gambaran Kuala Lumpur dalam bentuk sketsa. Antara lukisan-lukisan yang turut dipamerkan pada pertengahan bulan Mac ini adalah seperti pemandangan tempat, wargakota, bangunan-bangunan menarik, pengangkutan dan sebagainya menurut perspektif pelukis-pelukis muda dan veteran Kuala Lumpur. Orangramai berpeluang membeli lukisan tersebut jika berminat.

Lihat muka surat 12



Sebahagian daripada ruang pameran.

Bahagian Pameran

Bahagian Pameran/Muzium Pustaka Peringatan Kuala Lumpur ditubuhkan dengan matlamat utamanya adalah untuk menyediakan maklumat tambahan yang berbentuk gambar, artifek dan dokumen berkenaan dengan sejarah Kuala Lumpur.

Pameran Kuala Lumpur cuba menyingkap kembali sejarah awal Kuala Lumpur baik dari segi pentadbiran, sejarah, pembangunan dan perancangannya sehingga tahun 2000.

Bahagian Pameran Pustaka Peringatan Kuala Lumpur juga turut mengadakan pameran sempena persidangan CHOGM di Kuala Lumpur dengan kerjasama kedutaan-kedutaan yang terdapat di Malaysia mengenai negara masing-masing terutamanya dari Kedutaan India, New Zealand, British dan lain-lain. Disamping pameran, pertunjukan video mengenai bandaraya utama negara-negara anggota turut diadakan.

Pameran-pameran lain yang turut diadakan di sepanjang tahun lalu adalah:-

1. Pameran Tuan Haji Raden Suparthan b. Haji Raden Sanusi bersempena dengan Majlis Penerimaan Sumbangan dari Arab Malaysian Merchant Bank dan Public Bank pada 16 Oktober 1989.
2. Pameran Buku karya Puan Khadijah Hashim dan Encik Othman Puteh bersempena dengan Bengkel Kemahiran Mencari Maklumat pada 27 - 29 September 1989.
3. Pameran 'Old Shop Houses' oleh Victor Chin.

Bahagian Pameran juga merancang untuk mengadakan beberapa siri pameran sepanjang tahun ini samada diusahakan secara persendirian atau dengan usahasama pihak luar. luar.

Sudut Khas

Kumpulan Bercerita Kuala Lumpur

Kumpulan Bercerita Kuala Lumpur (KBKL) telah ditubuhkan sebagai salah satu aktiviti Pustaka Peringatan Kuala Lumpur. Pembentukan kumpulan ini pada Jun 1989 adalah dengan beberapa tujuan utama iaitu untuk:

- Mencetus dan mendorong minat kanak-kanak dalam menghayati sastera kanak-kanak.
- Menarik minat kanak-kanak ke arah pembacaan.
- Memperkenal dan mempromosi aktiviti Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.
- Memberi tumpuan perkhidmatan kepada kanak-kanak berumur bawah 12 tahun.
- Menjadikan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur sebagai salah satu pusat aktiviti Kanak-kanak.
- Mengendali bengkel dan ceramah mengenai boneka dan perpustakaan.

Berdasarkan tujuan utama penubuhan tersebut, KBKL berharap dapat membimbing kanak-kanak terutamanya di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke arah pembentukan budaya membaca dan budaya ilmu melalui pertunjukan boneka, bercerita dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sastera kanak-kanak.


Kumpulan Bercerita Kuala Lumpur dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri dari Pustakawan, Penulis buku, Illustrator, Pelukis, Pelakon dan Pemain Boneka. Gabungan ahli-ahli ini mengemukakan pelbagai ciri, bentuk dan kaedah bercerita dalam usaha mewujudkan peningkatan ilmu di kalangan kanak-kanak melalui kesusasteraan.



Persembahan Boneka di Sri Perdana.



Persembahan Boneka.



Melayan Kanak-kanak sebelum memulakan persembahan.



hadapan kanak-kanak.



ak sedang asyik mendengar cerita yang disampaikan oleh
Bercerita Kuala Lumpur.



nak leukemia turut diraikan kali yang terakhir.

Aktiviti-Aktiviti KBKL

Semenjak ditubuhkan, KBKL telah terlibat dalam pelbagai aktiviti akademik dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan kanak-kanak.

Salah satu aktiviti sosial KBKL adalah pertunjukan boneka yang diadakan untuk pesakit kanak-kanak di Wad Kanak-Kanak, Hospital Besar Kuala Lumpur. Ia diadakan dua minggu sekali mengikut jadual. Kebanyakan pesakit terdiri daripada pesakit leukemia dan juga 'long-term patients'.

KBKL turut mengadakan beberapa aktiviti boneka di luar Pustaka Peringatan Kuala Lumpur. Kegiatan ini khusus untuk mempromosi perkhidmatan Pustaka terutamanya mengenai pembacaan dan juga perkhidmatan Pusat Penyelidikan dan Mini Muzium Kuala Lumpur di kalangan pelajar.

Jika kamu bersabar dan bertakwa
maka tuhanmu yang
demikian baik dari perkara-
perkara yang engkau diambil
(Surat Al-Baqarah: 186).

12 Ogos 1989

Persembahan Boneka 'Arnab dan Kura-Kura' di Pesta Buku Malaysia, Changkat Pavilion.

10 Oktober 1989

Persembahan Boneka 'Di mana Usu' di SRK Kg. Batu, Jalan Ipoh.

12 Oktober 1989

Persembahan Boneka 'Di mana Usu' di Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak Taman Tun Dr. Ismail.

11 November 1989

Persembahan Boneka 'Di mana Usu' di Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak Jalan Tun Razak.

18 November 1989

Persembahan Boneka 'Di mana Usu' Pasar Seni/Central Market.

23 November 1989

Persembahan Boneka 'Di mana Usu' Perpustakaan Tun Raja Uda, Shah Alam.

20 Disember 1989

Persembahan Boneka 'Di mana Usu' di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

17 Januari 1990

Persembahan Boneka 'Tiga ekor kambing' di Sri Perdana.

KBKL juga telah dijemput untuk menyertai 'The 5th International Workshop of Living Theatre' di Jakarta, Indonesia pada 7 - 17 Julai 1989. Kumpulan ini telah berpeluang membuat beberapa persembahan di samping bertukar-tukar pendapat, teknologi dan kemahiran bercerita serta bermain boneka di kalangan peserta bengkel. Negara-negara yang turut serta adalah Jepun, Indonesia, Singapura, Thailand, Malaysia dan Australia.

Pada 27 November hingga 3 Disember 1989 yang lalu, KBKL telah dijemput untuk mengendalikan Bengkel Kaedah dan Teknik Sesi Bercerita dan Pertunjukan Boneka di Kota Kinabalu, Sabah yang dianjurkan oleh Yayasan Sabah.

Selain daripada aktiviti-aktiviti di atas, KBKL turut memberi tumpuan aktiviti kepada ahli-ahli Pustaka. Aktiviti mingguan diadakan pada setiap hari Sabtu berdasarkan jadual tertentu.

KBKL juga merancang untuk menganjurkan aktiviti bagi aktivitis-aktivitis sastera kanak-kanak dengan berdiskusi dan bertukar-tukar idea. Usaha-usaha ini di harap dapat mempelbagaikan jenis dan bentuk sastera kanak-kanak di Malaysia.

Sekitar Aktiviti PPKL

Bengkel Kemahiran Mencari Maklumat

Pada 27 – 29 September 1989, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Wilayah Persekutuan telah menganjurkan bengkel mengenai Kemahiran Mencari Maklumat. Lanjutan daripada bengkel di atas, dengan kerjasama beberapa orang sukarelawan, pihak Pustaka sekali lagi telah menganjurkan bengkel seumpama itu. Bengkel tersebut telah diadakan pada 29 – 30 November 1989. Sambutan yang diterima adalah menggalakkan.


Antara lain tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk mengenalpasti beberapa jenis punca maklumat yang boleh digunakan untuk mengesan maklumat di samping menyedari pentingnya menguasai kemahiran dan teknik belajar, membaca dan mencari maklumat. Bengkel tersebut adalah terbuka untuk pelajar-pelajar tingkatan satu hingga tiga.

Para peserta juga telah berpeluang untuk mengenali dengan lebih dekat lagi penulis-penulis tempatan melalui sesi berkenalan dengan penulis seperti Encik Othman Puteh dan Pua Khadijah Hashim. Dengan ini secara tidak langsung peserta bengkel dapat mencetuskan minat membaca dan menghargai proses penghasilan karya melalui sesi tersebut.

Secara keseluruhan bengkel tersebut bukan sahaja memberi pengetahuan kepada pelajar-pelajar tetapi ianya juga telah berjaya menyedarkan pelajar-pelajar tentang betapa pentingnya mencari dan mengesan maklumat bagi tujuan tertentu dalam masa-masa yang diperlukan. Pihak Pustaka Peringatan Kuala Lumpur turut mengucapkan sekalong terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan bengkel tersebut.

Hendaklah kamu meminta pandangan daripada cerdik-pandai nescaya kamu akan mendapat petunjuk dan janganlah kamu mengingkarinya, nescaya kamu menyesal.

Maksud Al-Hadis Riwayat Al-Tabrani
Wal-Bizar



Salah seorang daripada peserta sedang menyampaikan laporan semasa Bengkel Kemahiran Mencari Maklumat.



Kanak-kanak dihiburkan dengan bercerita

Lawatan Tabika Perpaduan

Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Wilayah telah mengatur aktiviti untuk Tabika Perpaduan pada setiap hari Selasa dan Khamis mulai jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Tujuan utama program ini adalah untuk memperkenalkan perpustakaan kepada kanak-kanak. Mereka dibawa melawat Pameran Kuala Lumpur dan mengikuti aktiviti boneka dan bercerita. Program satu jam ini turut memberi peluang kepada kanak-kanak membaca buku-buku yang terdapat di Bahagian Kanak-kanak.

Jadual lawatan yang telah diatur oleh pegawai perpaduan, Encik Harith Hj. Harun sehingga 15 Mac 1990 adalah seperti berikut:-

Nama Kelas

- Tabika Perpaduan Taman Ibukota, 6.2.90
- Tabika Perpaduan Kg Bawean & Sentul IB, 8.2.90
- Tabika Perpaduan Sg Penchala & Bkt Lanjan, 13.2.90
- Tabika Perpaduan Sg Udang & Kg Taman City, 15.2.90
- Tabika Perpaduan Kg Pasir Wardieburn, Flat Sri Trengganu 7 Kg Pua Seberang, 20.2.90
- Tabika Perpaduan Rumah Pangsa Tunku Abdul Rahman Jalan Tun Razak A, B, & C, 22.2.90
- Tabika Perpaduan Air Panas A, B, & C, 6.3.90
- Tabika Perpaduan Bandar Baru Sentul IC-2, 8.3.90
- Tabika Perpaduan Bandar Baru Sentul IC-1, 13.3.90
- Tabika Perpaduan Bandar Baru Sentul 1A, 15.3.90



Ceramah 'Body Language'

Pada 24 Januari 1990, satu ceramah mengenai 'Body Language' telah diadakan di Pustaka Peringatan Kuala Lumpur. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Puan Shamsiah bt. Yahya, Kaunselor daripada Bahagian Pelajaran Menengah, MARA.

Melalui ceramah yang disampaikan itu, menurut beliau hampir boleh dikatakan lebih daripada 90% mesej-mesej yang hendak disampaikan adalah melalui pergerakan isyarat badan dan setiap pergerakan yang terpancar melalui gerak fizikal tubuh badan membawa pengertian serta tanggapan yang berbagai-bagai. Kadangkala perlakuan itu terjadi secara spontan dan kadangkala dirancang.

Semasa sesi ceramah dijalankan, para peserta juga telah diberikan beberapa latihan praktik secara berkumpulan dengan mengenalpasti dan menginterpretasikan beberapa karektor lukisan karton yang terdapat di dalam setiap kumpulan.



Salah satu daripada latihan amali semasa 'Body Language'.

Sesungguhnya syirik itu
adalah sebesar-besar
dosa.

Maksud Al-Quran/Luqman 13



Pertandingan Catur PPKL

PPKL turut menganjurkan beberapa siri pertandingan catur. Pertandingan pertama telah diadakan pada 1 dan 8 Julai 1989. Sambutan adalah menggalakkan di mana lebih 80 orang menyertainya.

Lanjutan daripada kejohanan di atas, pada 4 dan 11 November 1989 yang lalu dengan kerjasama Persatuan Catur Melayu Malaysia, satu pertandingan catur untuk ahli-ahli PPKL telah diadakan. Pertandingan tersebut terbahagi kepada 2 kategori iaitu bawah 12 tahun, pada 4 November dan dewasa pada 11 November 1989.

Pada 1 Februari, 1990, satu pertandingan



Sebahagian daripada peserta pertandingan catur.

Ceramah Catur

Ceramah mengenai catur telah diadakan untuk ahli-ahli Pustaka. Ceramah pertama berjudul 'End Games and How To Improve Your Chess Game' telah disampaikan oleh A. Najib A. Awang dari Persatuan Catur Melayu Malaysia pada 4 November 1989.

Aktiviti Lukisan (Bahagian Kanak-Kanak)

Aktiviti Kelab Lukisan telah beberapa kali dijalankan di sudut lukisan dan ianya merupakan satu daripada aktiviti tambahan untuk kanak-kanak yang berumur 4 - 14 tahun. Kelab ini membimbing kanak-kanak melukis di peringkat asas. Antara lain tujuan utama kelab ini adalah untuk memupuk minat melukis di samping mencungkil bakat dan daya kreativiti mereka.

Kelab lukisan yang diadakan sebanyak 2 kali dalam sebulan ini di bawah kelolaan Encik C. Saravanan.

Catur Terbuka PPKL telah diadakan sempena Hari Wilayah. Ia terbuka kepada semua peringkat umur.

Mustafa Said muncul sebagai johan diikuti oleh Mohd Zaini Hamid dan Shukeri Shukor. Adik Ng Ee Vern, 9 tahun mengejutkan para pemerhati kerana mengalahkan 14 orang peserta yang lebih dewasa untuk menduduki tempat ke sebelas.

Berdasarkan sambutan hebat daripada ahli-ahli Pustaka dan para peminat catur, pihak Pustaka sedang merancang untuk menganjurkan Kejohanan Catur Berpasukan PPKL dalam tahun 1990. Adalah di harap sokongan daripada ahli dan orangramai akan memeriahkan lagi aktiviti catur Pustaka Peringatan Kuala Lumpur.

Sekitar Aktiviti PPKL

Menjelang tahun 1990, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur turut melibatkan diri di dalam pelbagai kegiatan masyarakat. Umpamanya pada 31 Disember 1989 yang lalu Pustaka ini telah digunakan untuk kerja-kerja persiapan terakhir sempena Pelancaran Dataran Merdeka dan Tahun Melawat Malaysia.

Semasa Wilayah Persekutuan menyambut ulangtahunnya yang ke 16 pada 1 Februari tahun ini, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur juga tidak ketinggalan turut mengambil bahagian pada hari yang bersejarah itu.

Berbagai-bagai aktiviti turut diadakan oleh pihak Pustaka kepada orangramai. Di antara aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah Pertandingan Catur Terbuka, Peraduan Kuiz Pustaka Peringatan, Pertunjukan Boneka dan Sesi Bercerita. Walaupun tidak dibuat secara besar-besaran namun penyertaan daripada orangramai adalah menggalakkan.


Sudut Bergambar




Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah sedang khusyuk mendengar penjelasan daripada Enik Mohd. Yusof sambil diperhatikan oleh Cik Alimah, Pustakawan Pustaka Peringatan.



Sedang mendengar penerangan atau taklimat sebelum diadakan Bengkel Kemahiran Mencari Maklumat.



Sebahagian daripada peserta pertandingan catur.



Lawatan daripada luar negeri.



Lawatan daripada luar negeri.



Lawatan daripada Kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Insan Jeti, Kuala Selangor, Shah Alam dan BPH, Jalan Pekeliling.



Encik Abdul Razak Mohd Dali (kanan) menyampaikan sumbangan dari Public Bank Berhad.



Tuan Haji Raden Suparhan sedang menerangkan sesuatu mengenai koleksinya.



Sumbangan peralatan televisyen dan perakam video dari Arab-Malaysian Merchant Bank



Dato' Haji Matshah Safuan, Pengerusi Lembaga Pengurusan Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur sedang menyerahkan Sijil Penghargaan kepada Tuan Haji Raden Suparhan, seorang tokoh masyarakat Kampung Baru bersempena penyerahan koleksi peribadi beliau kepada pihak Pustaka.

Banjir Kilat

Malang tidak berbau. Begitulah keadaannya yang menimpa ke atas Pustaka ini bila dilanda banjir kilat. Insiden ini berlaku sebanyak 3 kali dalam tempoh dua bulan iaitu pada 8 dan 25 Disember 1989. Insiden yang paling baru sekali adalah pada 5 Februari yang lalu. Adalah dipercayai bahawa kejadian banjir itu berlaku adalah disebabkan sistem perparitan yang berada berhampiran dengan Pustaka ini tersumbat.

Akibat daripada banjir kilat itu, perpustakaan telah ditutup untuk beberapa hari untuk tujuan baikpulih. Jumlah kerosakan adalah banyak dan tidak dapat ditaksirkan dengan angka yang tepat.

Kelab Kakitangan Pustaka

Kelab Kakitangan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 27 Julai 1989 dengan tujuan untuk mengatur dan menyelaras segala aktiviti dan kebajikan sosial kakitangan Pustaka ini. Di antara biro-biro yang terdapat dalam kelab ini adalah seperti biro agama, biro sukan dan biro sosial dan ekonomi.

Kelab ini telah menganjurkan Hari Keluarga pada 9 - 10 September 1989 yang lalu di Pantai Port Dickson, Seremban. Walaupun majlis tersebut dibuat secara sederhana, namun ianya berjalan di dalam suasana yang meriah.

Kelab Lukisan Kanak-kanak

Kelab Lukisan untuk kanak-kanak masih berjalan seperti biasa. Kelab ini mengalu-alukan penyertaan ahli baru untuk program tahun 1990. Pendaftaran dibuka mengikut bulanan. Sesiapa yang berminat perlu mengisi borang Kelab Lukisan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dengan bayaran \$2.00 seorang untuk tempoh satu bulan. Peralatan lukisan disediakan.

Pameran Buku-buku Islam

Sempena kedatangan bulan Ramadhan 1410 Hijrah, Bahagian Sirkulasi akan mengadakan Pameran Buku-buku Islam pada Mac 1990.

Pameran ini meliputi buku-buku mengenai ibadah, sejarah, undang-undang dan tokoh-tokoh Islam.

Sudut Permainan

Tahukah anda, selain daripada menyediakan beberapa aktiviti kepada ahli-ahlinya, Pustaka Peringatan Kuala Lumpur juga menyediakan sudut permainan kepada mereka yang berminat.

Sudut permainan itu diadakan di Bahagian Rujukan pada setiap hari Jumaat dan Sabtu mulai pukul 12.00 tengahari hingga 4.30 petang. Di antara jenis permainan yang terdapat pada masa sekarang adalah catur dan scrabble.

Atas sambutan yang menggalakkan, sudut permainan telah merancang untuk mempelbagaikan lagi jenis-jenis permainan kepada ahli-ahlinya pada masa akan datang.



Sumbangan

Ahli-ahli Pustaka Peringatan Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang hasil tulisan atau rencana untuk dimuatkan dalam Berita Pustaka pada keluaran yang akan datang.

Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:-

**Berita Pustaka Peringatan
No. 92, Jalan Raja,
50050 Kuala Lumpur.**



Gambar kenangan semasa Hari Keluarga di Pantai Port Dickson yang lalu.



Kanak-kanak sedang leka melukis